



ALBUM KENANGAN ... Dr D Kamarudin (empat kiri) bersama Hiroyasu (tiga kiri) bergambar kenangan selepas pertemuan itu dengan para pegawai kanan UMS.

UMS mahu terus perluas bidang k-sama bersama Kindai University, Jepun

NSP 2.8.2017 3

KOTA KINABALU: Kerjasama erat antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Kindai University, Jepun yang telah terjalin lebih sedekad lalu mahu terus diperkukuhkan dengan memperluaskan lagi bidang kerjasama antara kedua-dua pihak.

Demikian menurut Naib Canselor UMS, Prof. Dr. D Kamarudin D Mudin dalam satu pertemuan dengan delegasi Kindai University, Jepun yang diketuai oleh Pendaftarinya, Hiroyasu Tsuji di Bilik Mesyuarat Lembaga Universiti, pagi kelmarin.

Katanya, kerjasama yang sekian lama terjalin telah banyak memberi manfaat kepada kedua-dua universiti khususnya dalam bidang marin dan akuakultur melalui kerjasama latihan industri pelajar, pertukaran kakitangan, penganugerahan basisiswa Ijazah Doktor Falsafah, dan penganjuran bersama seminar berkaitan akuakultur.

“Justeru, saya berpandangan bahawa kolaborasi antara dua universiti yang telah terjalin sejak tahun 2002 ini boleh ditingkatkan lagi ke

tahap yang lebih tinggi.

“Terbaru, usaha sama kedua-dua pihak mewujudkan Pusat Pembangunan Akuakultur UMS-Kindai University adalah hasil kolaborasi berpanjangan yang saya percaya mampu memacu kepada penghasilan pengetahuan baru dan pengkomersilan hasil penyelidikan khususnya dalam bidang akuakultur,” kata Prof. D Kamarudin.

Dalam pada itu, Prof. D Kamarudin turut menyampaikan penghargaan kepada Hiroyasu Tsuji yang telah banyak terlibat dalam kerjasama antara kedua-dua universiti, khususnya sumbangan beliau terhadap penubuhan Pusat Pembangunan Akuakultur UMS-Kindai University.

Hadir sama pada majlis tersebut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof. Dr. Shahril Yusof, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Dr. Ismail Ali, dan Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) UMS, Prof. Dr. Rossita Shapawi.